KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	26/1/2022 (RABU)	MUKA SURAT	:	16
JABATAN	:	PERHILITAN			

Kosmo 26.1.2022_16

Melaka tubuh *task force* tembak babi

Oleh DIYANATUL ATIQAH ZAKARYA

MELAKA – Kerajaan negeri menubuhkan jawatankuasa khas bertindak (*task force*) bagi memusnahkan babi hutan yang menyerang beberapa kawasan perkampungan negeri ini sehingga menimbulkan ketakutan kepada penduduk.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Abdul Razak Abdul Rahman berkata, pasukan itu ditubuhkan dengan penglibatan bersama pegawai daripada Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan).

"Kita telah mengambil tindakan melalui Perhilitan dengan mewujudkan satu *task force* bagi menyelesaikan isu babi hutan yang menyerang kawasan penduduk kampung.

"Pasukan ini akan melakukan operasi memusnahkan haiwan tersebut termasuklah dengan cara menembaknya," katanya.


Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas majlis Penyampaian Bayaran Insentif Sara Hidup One-*Off* kepada 1,176 nelayan berdaftar di Batu Berendam, di sini semalam.

Semalam tular video beberapa ekor babi seakan tersesat berkeliaran di sekitar Kampung Kelongkong, Tanjung Kling, Melaka.

Mengulas lanjut beliau berkata, selain faktor keselamatan penduduk, tindakan menembak haiwan itu diambil kerana pihaknya turut menerima aduan kerugian tanaman para petani.

"Kita tidak mahu lebih ramai pekebun, petani mahupun penduduk kampung yang mengusahakan tanaman di halaman rumah terpaksa menanggung kerugian gara-gara tanaman mereka rosak disodok babi.

"Ada antara mereka ini mengalami kerugian mencecah ribuan ringgit," tambah Abdul Razak.



TANGKAP layar seekor babi yang berkeliaran di Kampung Kelongkong, Tanjung Kling, Melaka kelmarin.